



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

JERAT SERUPA JERAMI

Tarikh Dibaca:

**22 SAFAR 1445H/
8 SEPTEMBER 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JERAT SERUPA JERAMI¹

8 SEPTEMBER 2023 / 22 SAFAR 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

﴿أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَرَّةً عَنْ تَرَاضٍ

مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ۝ ﴿سورة النساء ۲۹﴾

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

¹ Tipu daya yang tersembunyi dalam kesukaan. (Kamus Istimewa Peribahasa Melayu DBP, 2016)

Khutbah pada hari ini bertajuk: “**Jerat Serupa Jerami**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Demi keharmonian negara tercinta ini, khatib juga ingin berpesan kepada seluruh umat Islam, agar sentiasa berhati-hati dengan setiap pertuturan dan tindakan yang boleh menjerumuskan diri sendiri dan orang lain ke lembah dosa, kekufuran dan kefasikan. Ingatlah firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادُ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ۖ

Maksudnya: “*Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya*”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam sangat menggalakkan aktiviti perniagaan kerana ia dianggap sebagai salah satu punca rezeki yang paling banyak. Manusia merupakan makhluk yang sangat lemah dan saling memerlukan antara satu sama lain. Maka, oleh sebab itu, urusan *muamalah* atau perniagaan memang tidak dapat dielakkan lagi bagi manusia bagi mendapatkan sesuatu barang atau perkhidmatan yang diperlukan. Pensyariatan perniagaan ini bertujuan memenuhi fitrah semulajadi manusia. Melalui perniagaan, manusia boleh memenuhi keperluan dan tuntutan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam Islam, setiap aktiviti yang kita lakukan boleh menjadi ibadah dan ladang pahala, termasuk juga dalam bidang perniagaan. Bagi mereka yang melaksanakan aktiviti peniaga dengan jujur dan amanah, mereka dijanjikan balasan syurga bersama para nabi, orang soleh dan syuhada'. Namun demikian, sekiranya ia dilakukan luar dari batasan syariat Islam seperti menipu, atau mengurangkan timbangan maka ia tidak lagi dianggap ibadat tetapi tetapi aktiviti yang boleh mendatangkan padah kebinasaan baik di dunia dan akhirat. Bahkan ia perbuatan yang tidak diakui oleh Nabi SAW yang berlaku dalam kalangan umatnya.

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah RA yang memberi amaran yang keras kepada golongan penipu ini:

مَنْ حَمَلَ عَلَيْنَا السِّلَاحَ فَلَيْسَ مِنَّا وَمَنْ غَشَنَا فَلَيْسَ مِنَّا

Maksudnya: “Sesiapa yang mengangkat senjata ke atas kami, bukanlah daripada golongan kami, dan siapa yang menipu kami, bukan daripada golongan kami”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sejak kebelakangan ini terlalu banyak kes-kes penipuan terutamanya penipuan dalam talian. Terdapat beberapa jenis penipuan dalam talian termasuklah *Macau scam*, *parcel scam*, *love scam*, *money game*, skim cepat kaya, juga penipuan dalam pelaksanaan haji dan umrah. Pelbagai cara yang digunakan oleh golongan ini untuk menipu dan memperdaya masyarakat bagi mendapatkan wang secara tidak halal. Hinggakan ada yang sanggup menyalahgunakan foto-foto pemimpin, agamawan, selebriti, orang yang berpengaruh semata-mata untuk memperdaya masyarakat.

Untuk kes penipuan dalam pelaburan contohnya, Statistik Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau SC menunjukkan peningkatan ketara ke atas bilangan bilangan aduan yang diterima. Untuk 6 bulan pertama Tahun 2023, sebanyak 1,160 aduan telah diterima. Jumlah ini melebihi jumlah aduan yang diterima sepanjang tahun 2022 iaitu 1,124 aduan. Majoriti pengadu pula adalah dari kalangan orang Islam.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes jenayah komersial pada tahun lalu menurun kepada 30,536 kes membabitkan kerugian RM1.73 bilion berbanding 31,490 kes pada 2021 dengan jumlah kerugian RM2.20 bilion. Untuk statistik kes jenayah penipuan dalam talian, jumlah kes pada tahun lalu mencatat sedikit penurunan iaitu 20,041 kes berbanding 20,701 kes pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, jumlah kerugian akibat jenayah itu meningkat kepada RM684.5 juta tahun lalu berbanding jumlah kerugian dicatatkan pada 2021 iaitu sebanyak RM560.8 juta.²

² <https://www.hmetro.com.my/itmetro/2023/08/996768/penipuan-siber>

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kes-kes penipuan turut melibatkan aktiviti keagamaan seperti penipuan haji dan umrah. Benar ungkapan orang-orang dahulu, bahawa “jerat tidak pernah melupakan pelanduk”. Modus operandinya berubah-ubah mengikut keadaan semasa. Ada yang menggunakan tawaran menunaikan ibadah itu sambil berziarah dengan harga murah, malah adakalanya diberikan percuma. Di samping itu golongan yang tidak bertanggungjawab ini juga menggunakan alasan harga pakej umrah mereka lebih murah kerana ditaja oleh badan korporat, pemimpin politik, selebriti dan lain-lain sumber yang tidak dinyatakan dengan jelas. Golongan ini sentiasa ligat dan rakus mencari jalan untuk menipu mangsa. Sehingga Ogos 2023, sebanyak 518 kes penipuan umrah yang difailkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Bagi mengelakkan diri menjadi mangsa, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil sebelum membuat sebarang tindakan:

1. Berwaspada dengan tawaran luar biasa yang ditawarkan di platform media sosial
2. Tidak mendepositkan wang ke dalam akaun bank milik individu lain.
3. Hanya membuat pembayaran ke akaun bank entiti yang berlesen atau berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
4. Merujuk pihak berkuasa atau pihak berautoriti seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan menghubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997.

Ingatlah, bahawa Rasulullah SAW telah meningatkan kita tentang empat perkara yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Sabda Rasulullah SAW:

لَا تَرُوْلُ قَدْمًا عَبْدٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّىٰ يُسَأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ، وَعَنْ عَلَيْهِ فِيمَا فَعَلَ،

وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ، وَعَنْ جَسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ

Maksudnya: “Tidak akan bergeser dua telapak kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga dia ditanya (diminta pertanggungjawaban) tentang umurnya ke mana dihabiskannya, tentang ilmunya bagaimana dia mengamalkannya, tentang hartanya; dari mana diperolehnya dan ke mana dibelanjakannya, serta tentang tubuhnya untuk apa digunakannya”. (**Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi**)

Janganlah pula ada dari kalangan umat Islam yang terlibat dengan aktiviti penipuan sebegini. Nabi SAW tidak mengaku umat bagi orang yang menipu orang lain.

Justeru, mengakhiri khutbah hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Islam sangat menggalakkan aktiviti perniagaan kerana ia dianggap sebagai salah satu punca rezeki yang paling banyak.

Kedua: Kita perlu sentiasa berhati-hati dengan setiap tawaran atau peluang yang ditawarkan terutamanya di platform media sosial.

Ketiga: Hindarilah dari terlibat dengan aktiviti-aktiviti penipuan yang bukan sahaja merugikan diri sendiri, bahkan merugikan orang lain juga. Bayangkan jika kita atau ada ahli keluarga kita yang menjadi mangsa. Bagaimana perasaannya?

Renungkanlah Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالٌ طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوطَ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ وَلَكُمْ عَذْوَرٌ

١٦٨ مُبِينٌ

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu". (**Surah al-Baqarah ayat 168**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
 بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
 النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا أَلَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۖ
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيَتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ۔
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ۔
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَى وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا
 مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا يَعِشْ دَفْرُتوَانِ اكْنُوَغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللّٰهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
 بِاللّٰهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللّٰهِ۔
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اكْنُوَغْ، تُونِكُو
 عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهِ إِسْكَنْدَرِيَهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ
 الْحَاجِ۔
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ۔

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَآمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعْرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمَنْ بَلَدَنِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, wabak penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ،
 إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ